

KEARIFAN SIMBOL ADAT *BEBURUNG* DALAM PUISI *PENGAP GAWAI PANGKUNG TIANG*: ANALISIS BERLANDASKAN TEORI SEMIOTIK CHARLES SANDER PEIRCE

(The Wisdom of *Bird* Ritual Symbols in the Poem *Pengap Gawai Pangkung Tiang*: An Analysis Based on Charles Sander Peirce Semiotic Theory)

Bejamin Liam¹

bejamin6859@gmail.com

Roslih Kiting²

roslih@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak.^{1&2}

Pengarang koresponden (Coessponding author):²

Rujukan makalah ini (To cite this article): Bejamin Liam dan Roslih Kiting. (2026). Kearifan simbol adat *beburung* dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*: Analisis berlandaskan Teori Semiotik Charles Sander Peirce. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(1), 169–198. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jm.19(1)no7)

Peroleh: <i>Received:</i>	28/10/2025	Semakan: <i>Revised:</i>	17/1/2026	Terima: <i>Accepted:</i>	30/1/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/1/2026
------------------------------	------------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (This article has undergone a double blind peer-review process)

Abstrak

Masyarakat Iban membentuk budaya mereka dengan mewarisi adat daripada generasi terdahulu. Penggunaan pelbagai simbol sebagai wahana warisan budaya seperti terjemahan adat *beburung* melalui puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis simbol adat *beburung* dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* dalam masyarakat Iban. Puisi ini sangat kaya dengan simbol, tanda, nilai dan etika pemilik budaya. Namun, kegagalan memahami makna tersurat dan tersirat simbol budaya memberikan kesan kepada kelangsungan daya tahan puisi untuk diamalkan. Pendekatan

kualitatif telah diaplikasikan dalam kajian ini. Kajian lapangan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur terhadap informan, iaitu *lemambang*. Instrumen kajian ialah protokol temu bual semi-struktur dan transkrip puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Perbandingan data yang telah dianalisis menggunakan kajian kepustakaan. Model Bogdan dan Biklen (2007) digunakan dalam menganalisis data, manakala pencarian tema menggunakan analisis Model Braun & Clarke (2006). Dapatan kajian menemukan terjemahan adat *beburung* signifikan kepada tujuh jenis burung, iaitu *ketupung*, *beragai*, *bejampung*, *nendak*, *pangkas*, *embuas* dan *kelabu papau*. Penemuan tujuh jenis burung telah dianalisis secara terperinci menggunakan Teori Semiotik Charles Sander Peirce. Implikasi kajian ini dapat memberikan kefahaman mendalam kepada orang Iban yang sekali gus menjadi agen penyampai budaya, khususnya dalam pelestarian puisi tradisional.

Kata kunci: Puisi, adat *beburung*, simbol, tanda, pengap, gawai pangkung tiang

Abstract

The Iban community has shaped their culture through the inheritance of traditional customs passed down from earlier generations. This research aims to analyse the symbolic representation of adat beburung (bird omen customs) in the Iban ritual chant Pengap Gawai Pangkung Tiang. The use of various symbols serves as a medium for cultural continuity, as reflected in the translation of adat beburung within the Pengap Gawai Pangkung Tiang chant. This poetic form is profoundly rich in symbols, signs, values, and the ethical dimensions upheld by its cultural bearers. However, the failure to comprehend both the explicit and implicit meanings embedded in these cultural symbols threatens the resilience and continuity of the chant's practice. A qualitative approach was employed in this study. Fieldwork was conducted through semi-structured interviews with key informants, namely the lemambang (ritual chanters). The research instruments consisted of semi-structured interview protocols and transcripts of the Pengap Gawai Pangkung Tiang chant. The analysed data were further compared with findings from relevant literature review. Data analysis was conducted using the Bogdan and Biklen's Model (2007), while thematic identification was performed using Braun and Clarke's Thematic Analysis Model (2006). The findings reveal that the translation of adat beburung is symbolically represented through seven bird species, namely ketupung, beragai, bejampung, nendak, pangkas, embuas, and kelabu papau. These seven bird symbols were analysed in detail using Charles Sander Peirce's Semiotic Theory. The implications of this study provide a deeper understanding for the Iban community as a vital agent of cultural expression to continue preservation of tradition poetry.

Keywords: Poem, augury, symbol, signs, pengap, gawai pangkung tiang

PENDAHULUAN

Masyarakat Iban membentuk identiti budaya yang kompleks kerana sosial budaya berlaku di rumah panjang. Kehidupan di rumah panjang yang diwarisi telah membentuk ketamadunan bangsa dan budaya unggul kaum Iban. Ketamadunan ini dapat dilihat dalam mengatur kehidupan termasuk nilai utama, rutin harian, hukum

serta pantang larang. Kehidupan mereka juga terbentuk melalui interaksi di rumah panjang yang terdiri daripada sanak saudara, maka penekanan konsep kesejahteraan, perpaduan dan keharmonian hidup amat diutamakan (Noria, 2014). Interaksi mereka turut diterjemahkan melalui *leka main* (prosa tradisional) sebagai elemen budaya. Orang Iban mengkategorikan puisi sebagai *leka main*. Puisi dibahagikan kepada tiga, iaitu hiburan, adat *basa* dan invokasi. Puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* sejenis puisi invokasi kerana mempunyai kaitan dengan kepercayaan tradisi dan ritual oleh orang Iban (Chemaline, 2006). Kepercayaan tradisi ini lahir daripada konsep mitos dan legenda yang telah diwarisi dan diperturunkan.

Puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* tidak boleh dilafazkan sewenang-wenangnya dan mesti disertakan dalam ritual. Orang Iban mempercayai *pengap* sebagai medium untuk berkomunikasi dengan *Petara* (dewa). Tujuan komunikasi berbeza berlandaskan hajat yang ingin dipohon seperti meminta penyembuhan, keberkatan, kesihatan dan sebagainya. Puisi ini kaya dengan unsur bahasa serta makna setelah diselitkan melalui kata-kata yang indah tetapi ringkas dan padat (Aminuddin, 2004). Bahasa yang digunakan mengandungi pengertian yang tersurat dan tersirat. Pengalaman manusia yang berhubung erat dengan unsur-unsur emosi, imaginasi dan akal dalam *pengap* selalu dikaitkan dengan *pengarap lama* etnik Iban yang dikenali sebagai *beburung*. Sebelum *pengap* dilagukan, *piring sajian* (persembahan kepada dewa) mesti disediakan terlebih dahulu. *Piring* tersebut berfungsi untuk memujuk atau memanggil *Petara* (Jensen, 1974). Orang Iban mempercayai *Petara* yang mereka puja mestilah yang tepat mengikut hajat mereka. Sekiranya *Petara* yang dipanggil tidak tepat, maka *piring* yang disajikan itu tidak dijamah oleh dewa berkenaan. Oleh itu, objektif kajian adalah untuk menganalisis simbol dalam adat *beburung* yang terakam dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Masyarakat Iban sukar untuk membuat tafsiran makna puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* dalam aspek interaksi simbolik. Individu membentuk makna yang dikongsi melalui interaksi mereka dengan orang lain menyebabkan makna tersebut menjadi realiti (Patton, 2002). Menurut Blumer (1969), terdapat tiga cara melihat interaksi manusia. Pertama, manusia bertindak berdasarkan makna yang dikaitkan dengan sesuatu benda. Kedua, sesuatu perkara tercetus daripada interaksi sosial seseorang dengan orang lain. Ketiga, makna boleh ditangani dan diubah melalui proses pentafsiran yang digunakan untuk menangani perkara tersebut. Dengan ini, simbol yang terbentuk daripada struktur puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* boleh dirungkai melalui interaksi langsung *lemambang* dengan orang yang berfikiran terbuka dalam penyelidikan untuk menyampaikan maksud tersirat dan tersuratnya.

Menurut Daille (2002), sastera sebagai objek, aktiviti, medium penghubung dan ruang dalam situasi upacara adat. Dalam penelitian awal *Pengap Gawai Pangkung Tiang*, sumber maklumat diperoleh daripada *lemambang* yang mewakili pemikiran dan aspirasi masyarakat Iban untuk mempertahankan budaya penuturnya. Permasalahan timbul sekiranya *lemambang* pupus atau sudah tiada lagi hingga teks *pengap* tidak dapat diperoleh dan struktur ayat yang mengandungi pelbagai simbol dalam *Pengap Gawai Pangkung Tiang* menjadi terbatas untuk diterokai dan difahami.


SOROTAN KAJIAN

Freeman (1957) telah menjalankan kajian tentang adat *beburung* dalam kehidupan seharian masyarakat Iban, yang menceritakan kosmologi budaya daripada *Singalang Burung* selaku penguasa dunia di alam kematian. Dewa ini memiliki tujuh orang menantu, iaitu burung *ketupung*, *embuas*, *beragai*, *papau*, *bejampung*, *pangkas* dan *nendak*. Semua (*piring*) persembahan disediakan sebagai jamuan untuk memohon keberkatan. Sather (1985) dalam *Sarawak Muzium* telah menerbitkan kajian bertajuk “*Iban Agricultural Augury*” yang menerangkan perayaan *Gawai Batu*. Kajian tidak meletakkan struktur teks sebagai subjek utama kajian. Namun, teks *pengap* tidak dijelaskan secara terperinci. Upacara *Pengap Gawai Batu* dikendalikan oleh *lemambang* bagi menjemput *Petara* seperti Raja Simpulang Gana yang dipercayai berkuasa ke atas kegiatan bercucuk tanam. Mereka percaya dewa ini memiliki kuasa supernatural bagi memberkati alatan yang digunakan untuk bercucuk tanam. Alatan yang berkeadaan baik dan tajam boleh menghasilkan tuaian yang lebih baik. Menurut Sather (1985), upacara *Pengap Gawai Batu* perlu diadakan sebelum pembersihan kawasan tanah bagi tujuan pertanian. Selain itu, beliau turut menggunakan contoh *Pengap Bungai Taun*, iaitu puisi yang dilafazkan *lemambang* semasa perayaan korban untuk meminta keberkatan hasil tanaman. Dapatkan kajian tersebut mendapati persamaan dengan kajian puisi *pengap* yang lain berpandukan proses melagukan *pengap* ini adalah sama, iaitu memerlukan paduan suara. Perbezaan dapatkan kajian tersebut mendapati kriteria para dewa yang dijemput adalah berlainan. *Pengap* menanam padi, dewa Simpulang Gana dijemput datang ke gawai kerana dewa ini berkuasa ke atas tanah serta memberkati hasil pertanian. Kajian tersebut tidak merungkaikan struktur teks dan kurang memberikan kefahaman tentang puisi *pengap* ini kepada masyarakat. Kesemua pengkaji puisi *pengap* merumuskan naratif puisi ini adalah untuk menghubungkan perjalanan dewa dari langit ke bumi semasa perayaan.

Kajian puisi tradisional rakyat Iban bertajuk *Pengap Gawai Burung* ditulis oleh Benedict Sandin (1981) yang diterbitkan oleh *Borneo Literature Bureau* merupakan perayaan terbesar masyarakat Iban. Kisahnya ialah Sengalang Burung telah memperturunkan *gawai burung* kepada cucunya Sera Gunting untuk mengadakan

adat *beburung*, adat *ngayau* serta keperluan mendirikan *gawai burung*. Perayaan ini diadakan oleh ketua bangsa yang memiliki *tau serang* (kemahiran memburu) dan *tau kayau* (kemahiran memburu kepala). Berdasarkan dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa *gawai burung* boleh dijalankan bersama-sama dengan *gawai* lain tetapi *gawai burung* mesti diutamakan terlebih dahulu. *Gawai burung* merupakan perayaan utama dan *gawai* lain merupakan perayaan sampingan. Tujuan utamanya adalah untuk menjemput Sengalang Burung yang merupakan dewa paling awal hadir ke *gawai* itu. Aspek persamaan antara *pengap gawai burung* dengan *pengap gawai sakit* dapat dilihat dari sudut perspektif bagi mencapai tujuan yang sama. Maksudnya, kedua-dua *pengap* ini dilagukan bagi memohon bantuan daripada *Petara* yang dipercayai menghadirkan diri atas jemputan melalui upacara tersendiri serta iringan puisi *pengap*. Aspek perbezaannya pula ialah keperluan *gawai* diraikan. *Gawai burung* dijalankan untuk meraikan *bujang berani* (lelaki gagah/berani). Penggunaan patung burung kenyalang sangat penting kerana simbol kepada *gawai burung* (King, 1993). Patung burung tersebut perlu diletakkan di tiang *tanju* (beranda) rumah supaya para tetamu dapat melihatnya sebagai simbol meraikan kejayaan bujang berani. Patung burung kenyalang menjadi simbol kegagahan lelaki. Semasa *gawai*, penghuni rumah tidak boleh keluar dari rumah selama tiga atau tujuh hari. Menurut Steve (2012), selesai *gawai* berkenaan, gendang pampat perlu dipukul dan pengeras *gawai* diletakkan di kaki tangga rumah. Kajian *gawai burung* ditulis oleh Benedict Sandin ini menerangkan secara naratif tentang tatacara *gawai burung* dijalankan. Banyak unsur keindahan bahasa tidak dikaji atau diteliti dalam teks puisi *Pengap Gawai Burung*. Kesannya, pembaca kurang mengetahui makna, struktur puisi dan keindahan aspek sastera yang lain. Semuanya perlu dirungkaikan.

METODOLOGI




Rajah 1 Kerangka kajian.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif kerana penyelidikan ini mengkaji budaya, iaitu *leka main invokasi* masyarakat Iban. Tingkah laku sekelompok masyarakat boleh dilihat melalui kepercayaan, nilai dan sikap (Sidek, 2002). Budaya orang Iban boleh difahami melalui amalan budaya kerana terjemahan cerminan tingkah laku mereka. Bagi menganalisis simbol adat *beburung* secara terperinci, Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965) telah diaplikasikan. Kajian lapangan telah dijalankan untuk mengumpul data primer. Sampel kajian dipilih bertujuan untuk mencari makna dan penerangan mendalam tentang simbolnya. Sampel kajian diperoleh daripada *lemambang* selaku pemuisi yang melafazkan puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Kemudian, hasil data dianalisis dan dibandingkan menggunakan kajian kepustakaan. Kajian ini telah memilih analisis data tematik untuk mencari tema utama. Data transkripsi audio puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* dan audio temu bual semi-struktur perlu difahami dengan mendalam, sebelum dibahagikan kepada tema berlandaskan objektif kajian.

Teori Semiotik Charles Sander Peirce

Rasionalnya pemilihan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965) adalah sangat signifikan dalam merungkai simbol-simbol yang terkandung dalam puisi invokasi seperti puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Penggunaan teori ini dapat membantu para pengkaji memahami kesusasteraan Iban khususnya. Kehidupan manusia terbentuk oleh elemen bahasa sebagai medium komunikasi. Hal ini diungkapkan dalam pertuturan, gerak laku dan perbuatan (Cobley, 1977). Maka, segala bentuk pertuturan dimuatkan dengan lambang-lambang atau tanda-tanda yang sukar difahami. Kehadiran simbol yang mewakili sistem bahasa jelas kelihatan dalam teks yang dikaji. Para pengkaji perlu menganalisis untuk memahami maksud tersurat dan tersirat yang diwakili oleh simbol atau tanda melalui komunikasi. Teks puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* dimuatkan dengan simbol-simbol, tanda-tanda atau lambang-lambang yang sukar difahami. Semua simbol ini membawa maksud tersendiri dan saling berkaitan antara satu sama lain sekiranya dapat difahami.



Rajah 2 Proses semiosis Charles Sander Peirce diubah suai daripada Tengku Intan Marlina (2007).

Tanda dikelaskan kepada tiga pecahan, iaitu *representamen* (mewakili), *object* (objek) dan *interpretant* (tafsir) dikenal pasti melalui proses semiosis (Peirce, 1965). Kewujudan tanda diringkaskan melalui hubungan segi tiga yang saling berkait antara satu sama lain (Peirce, 1965). Penggunaan tanda dalam karya secara langsung atau tidak langsung disebut sebagai *representamen*. Sebaliknya, tanda yang terarah, mengacu atau berfokus kewujudannya dikenali sebagai objek. Pengenalpastian simbol dan menterjemahkannya dikenali sebagai *interpretant* (Cobley, 1977). Hubungan antara tiga pecahan ini terjalin melalui proses semiosis yang memberikan nilai estetik kepada sesebuah karya. Kualiti sesebuah karya seperti puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* yang banyak menggunakan tanda dapat dirungkaikan dengan lebih mendalam.

Peirce (1965) membahagikan *representamen* kepada tiga kategori, iaitu *qualisign*, *sinsign* dan *legisign*. Setiap tiga kategori ini memberikan maksud yang berbeza tetapi saling berkait. Perkaitan ini menjadikan proses *representamen* mempunyai kredibiliti yang tinggi untuk mengenal pasti tanda atau simbol, manakala *qualisign* pula menjelaskan kualiti sesuatu petanda. Setiap petanda yang digunakan mempunyai kualiti tersendiri (Zoest, 1990), manakala *sinsign* ialah kewujudan petanda dalam perkataan bagi mencerminkan dunia realiti yang ingin disampaikan oleh pengarang (Peirce, 1965:245). Bagi menerangkan maksud ini, Peirce (1965) memberikan contoh bahawa simbol di atas jalan boleh menggambarkan realiti jalan raya tersebut. Menurut Zoest (1990), semua pernyataan individu yang dimunculkan menggunakan tanda tanpa kita kenal atau tidak dikenali sebagai *sinsign*. Hal ini menjelaskan bahawa *sinsign* ialah petanda atau simbol yang muncul tanpa kita sedari yang digunakan dalam karya. Semasa proses ini, tafsiran terhadap tanda belum dilaksanakan. Seterusnya, *legisign* sebagai tanda umum yang berkait dengan peraturan. *Legisign* ini kerap digunakan dalam penulisan karya kerana mudah difahami dan merupakan tanda umum (Cobley, 1977). Tanda ini menjadi dasar kepada sesebuah karya kerana kemunculannya merupakan cerminan realiti kehidupan yang berlaku. Tanda merupakan kod bahasa semasa dipertuturkan serta boleh dikongsi bersama-sama oleh semua kaum. Perkataan hutan (*kampung* dalam bahasa Iban) menggambarkan habitat semua jenis haiwan seperti burung, binatang buas dan sebagainya. Secara umumnya, semua masyarakat di Malaysia mengetahuinya.

Peirce (1965) menggambarkan proses semiosis tahap *object* terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu ikon, indeks dan simbol. Tanda sebagai agen gantian untuk mewakili sesuatu tanda. Tanda baharu muncul untuk mewakili interpretasi yang ingin disampaikan dalam karya. Tanda yang digunakan muncul dari bawah ataupun daripada pengalaman yang umumnya diketahui pemilik adat. Ikon mempunyai sifat asal ataupun kebersamaan dengan objek yang digambarkan (Cobley, 1997). Jadi, ikon dapat menggambarkan sesuatu seperti yang diinginkan oleh objek. Ikon

dan objek saling berkaitan antara satu sama lain kerana mempunyai keserupaan. Imej objek dan ikon perlu bersifat ikonik bagi menunjukkan sesuatu yang ingin diwakilinya. Persamaan dan keserupaan antara ikon dan objek mesti wujud supaya dapat mengungkapkan tanda. Tujuan kemiripan rupa (*resemblance*) dapat menunjukkan sejauh mana keserupaannya berlaku (Kris Budiman. 1999). Ikon dirumuskan memiliki fungsi atau peranan yang memberikan makna kepada objek sepertimana yang ingin diwakili olehnya.

Lambang ialah sesuatu yang ikonik serta dinamik yang dekat dengan masyarakat. Beberapa bentuk ikonik yang selalu digunakan dalam sastera ialah imej, citra, diagram, simile dan metafora. Peranan ikon dalam sastera adalah tentang hubungan tanda-tanda bersebab, berkait atau berakibat. Selain itu, penggunaan aforisme, alegori, personifikasi, hiperbola dan imageri boleh dikenal pasti dalam sesebuah puisi. Tahap seterusnya ialah indeks yang memberikan kesan secara langsung kepada objek. Menurut Peirce (1965), hubungan antara indeks dan objek dapat diketahui daripada sebab atau akibat daripada penggunaannya. Interpretasi ke atas indeks boleh memberikan isyarat berlakunya sesuatu kejadian. Oleh itu, indeks boleh menghimpunkan fenomena, sebab, gejala dan sebagainya. Penggunaan indeks yang jelas menandakan sesuatu perkara mempunyai tafsiran yang sama tetapi fenomena yang kurang jelas memberikan interpretasi yang berbeza, mengikut tafsiran masing-masing (Puji Santosa, 1993). Proses semiosis terakhir dalam menentukan objek ialah simbol. Menurut Peirce (1965), simbol merupakan peraturan umum atau gabungan idea umum yang digunakan dalam sesebuah karya. Selain itu, simbol mempunyai ciri-ciri donatif yang berhubungan dengan tanda (Zoest, 1990:25). Penggunaan simbol bergantung pada hubungannya dengan ciri-ciri umum yang diketahui oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya pemilik budaya. Maksudnya, hubungan ini telah terbentuk secara konvensional kerana masyarakat sudah tahu kegunaan simbol tersebut. Simbol ini tidak menunjukkan hubungan semula jadi antara penanda dengan petandanya tetapi bersifat arbitrari berlandaskan amalan masyarakat tersebut (Pradopo, 1993).


Proses *interpretant* bertujuan untuk menyampaikan kesan daripada tindakan (Cobley, 1977:23). Jadi, proses ini melibatkan keupayaan kognitif seseorang untuk menyampaikan maksud tanda yang digunakan. Proses *interpretant* dibahagikan kepada tiga, iaitu *rheme*, *dicent sign* dan *argument* (Peirce, 1965). Pada peringkat ini, seseorang perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang tinggi tentang kebudayaan masyarakat supaya proses *interpretant* berkesan atau mencapai tujuan yang dikehendaki. Kefahaman yang tinggi membantu mengenal pasti tanda serta menyampaikan maksud dengan tepat. Menurut Peirce (1965:250), *rheme* ialah sesuatu anggapan menjadi kemungkinan yang berlaku daripada tanda-tanda. Oleh itu, tanda merupakan *rheme* setelah menjalani proses representasi. Tanda muncul

diibaratkan sebagai kemungkinan yang menyebabkan sesuatu perkara berlaku. Tidak timbul isu tanda ini benar atau salah. Andaian berupa pengganti kepada tanda asal ataupun sebaliknya. Maksudnya, tanda pada peringkat ini sebagai anggapan berdasarkan pemahaman. Tanda ini untuk merungkai sebab berlakunya sesuatu kejadian. Menurut Peirce (1965:251), *dicent sign* memperlihatkan hubungan yang terbukti benar telah berlaku. Bagi membuktikan hubungan ini terbukti benar, maka diwujudkan informasi tentang tanda yang digunakan. Informasi ini menjadi kata kunci kepada tanda sehingga menyebabkan tafsiran ke atas tanda tepat (Zoest, 1990). Seseorang perlu melihat informasi yang disenaraikan dari sudut yang lebih luas dan andaiannya tidak boleh dihadkan. Tanda ini dapat memberikan informasi tetapi mungkin tidak dapat dijelaskan sebab-sebabnya. Peirce (1965) berpendapat bahawa bagi mencapai proses semiosis terakhir, penerangan kepada tanda untuk menjelaskan sebab atau memberikan kefahaman dikenali sebagai *argument*. Penggunaan tanda dalam semiosis *interpretant* terlalu umum dan perlu diterangkan sebab-sebab penggunaan tanda tersebut. Sebagai tambahan kepada keterangan Peirce (1965), *argument* ialah proses untuk merenung kebenaran. Jadi, sudut pandangan untuk mencapai peringkat ini sangat luas serta mendalam bagi mencapai sebab-sebab penggunaan tanda adalah relevan.

ANALISIS DATA

Bungin (2016) menyatakan bahawa analisis data tematik merupakan proses mencari dan menyusun data secara sistematik yang diperoleh daripada temu bual, pemerhatian di lapangan dan kajian kepustakaan. Proses organisasi data dengan memecahkan data kepada kategori sehingga boleh difahami dan secara tidak langsung dilakukan di lapangan semasa menjalankan proses temu bual dan pemerhatian. Analisis tematik merupakan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak tema dalam data. Analisis ini dianggap kaedah asas dalam kualitatif (Miles & Huber, 2014). Kaedah tematik juga membolehkan data integratif disintesis dengan baik dan perbandingan terhadap data digunakan berulang-ulang.

Analisis data tematik dijalankan setelah data langsung temu bual dianalisis menggunakan model analisis secara serentak Bogdan & Biklen (2007) serta transkrip puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* dan teks temu bual telah dianalisis menggunakan Model Tesch (1995). Aplikasi model tersebut akan diterangkan secara terperinci di subtopik berikutnya. Proses analisis data dijalankan untuk mengekodkan data secara terperinci dan sistematik (Creswell, 2017). Pembentukan kod bermula dengan memikirkan kata atau frasa melalui pemahaman setelah membaca tinjauan literatur.



Rajah 3 Analisis data tematik diadaptasi daripada Braun & Clarke (2006).

Penyelidik perlu membaca setiap transkrip secara terperinci untuk memahami data temu bual. Analisis data ini meliputi mencari semua data daripada temu bual informan untuk mengenal pasti makna data berulang (Braun & Clarke 2006). Oleh itu, mengekod langkah permulaan yang penting untuk menyahdata serta mencari pertalian atau persamaan data. Kod membenarkan pengkaji menghubungkan kod-kod yang berbeza. Kod berupaya memecahkan data kepada sub-kategori. Kod-kod muncul daripada makna dalam perkataan, perilaku informan dan peristiwa yang berlaku (Denzin, 1998). Data-data ini membantu dalam mengekod data. Namun begitu, menentukan kod lebih mudah dijalankan kerana model analisis data telah diaplikasikan dalam kajian ini. Pengkaji mengembangkan kod kepada tema yang sesuai. Analisis tematik mengumpulkan seberapa banyak tema yang telah dikodkan.


Kaedah ini menemukan hubungan yang sistematik sehingga membentuk kesatuan holistik untuk memaparkan tema yang dominan dan kurang dominan (Creswel, 2017). Pengkaji membaca secara cermat data yang telah dianalisis secara keseluruhan. Pembacaan ini mungkin memerlukan banyak masa kerana pengkaji perlu memahami keseluruhan data yang telah dikodkan. Pengkaji memastikan kod telah dibahagikan kepada topik penting sebelum membentuk tema. Tema muncul melalui pemahaman pengkaji terhadap keseluruhan data berpanduan sumber kedua serta perbandingan dengan instrumen puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* (1976).

Setelah analisis dijalankan secara teliti, kajian ini perlu peka, cerdas dan pakar membentuk kesimpulan secara umum yang berfokus kepada objektif kajian. Empat

cara spesifik menemukan tema sebagai tambahan kepada kajian ini (Zuchri, 2021). Pertama, kajian ini perlu mendalami data yang dikumpulkan. Data dikumpulkan belum dapat memberikan makna tanpa difahami dengan jelas. Kedua, kajian ini mencari perspektif yang luas melalui kefahaman budaya. Pengetahuan budaya yang dikaji membantu kajian ini membentuk perspektif terhadap dapatan data. Ketiga, membuat gambaran secara keseluruhan tentang dapatan yang telah dianalisis. Kajian ini menemukan ketidakakuran data yang diperoleh sekiranya ada. Data ini perlu disingkirkan supaya tidak mengganggu pembentukan tema. Keempat, kajian ini mencari tema universal terlebih dahulu berdasarkan fokus dalam kajian. Tema utama muncul setelah kajian ini memahami keseluruhan pembentukan tema universal sebelum membentuk tema yang dominan berdasarkan objektif kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Menurut kepercayaan tradisi masyarakat Iban, imej burung merujuk mitos Lang Singalang Burung serta menantunya. Semua jenis burung dalam teks puisi *pengap* membawa petanda kepada orang Iban (Sandin 1990). Tambahan pula, semua jenis burung memiliki pelbagai watak yang mewakili dewa orang Iban (Freeman, 1957). Watak-watak burung ini menentukan penggunaannya dalam puisi *pengap* sehingga mewujudkan makna setelah diterjemahkan maksud tersirat dan tersurat. Imej burung melambangkan pengkhianatan bagi orang Iban sekiranya mereka terdengar bunyi burung tersebut. Namun, kebanyakan burung-burung dalam teks *Pengap Gawai Pangkung Tiang* memberikan perlambangan yang baik kerana puisi ini mendoakan pemilik rumah untuk memperoleh kebahagiaan, tuah dan kesihatan pada masa akan datang. Setiap burung mewakili setiap dewa, iaitu menantu dewa Lang.




Rajah 4 Proses mendapatkan tema.

Jadual 1 Simbol adat *beburung*.

Adat <i>Beburung</i>	
Kod	Keterangan
Adat <i>beburung</i>	Menantu Lang Singalang Burung, iaitu <i>Ketupung</i> , <i>Beragai</i> , <i>Bejampung</i> , <i>Nendak</i> , <i>Pangkas</i> , <i>Embuas</i> dan <i>Kelabu Papau</i> .

Simbol Burung *Ketupung*



Rajah 5 Proses semiosis simbol burung *ketupung* berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965).

*Tu ke tuju kitai bedenjang,
Sekali enggau anak Lemambang Ketupung,
Ngemana ke jaku sida ke indu,
Seraka jalai antu rumah gemalung.
Burung ketupung lelekai udah makai randu tebu,
Betabaska ikan salai riu,
Ke enda jugau ninggalka pengaruh mali lebu,
Dinga radak-radak munyi anak burung ketupung,
Peda lalu kemerak kunchi peti pirak,
Sepiak petang, sepiak tampak,
Beranak ba selepak tiang bumbung.
Diberi nama Enting Naing Besumbing Tulang,
Raja Taka Nempurung Balang,
Diau di Tapang Undang nyempayan bungkung,
Raja Nunggi nunggang baka tumbang gempung jejabang Ketupung.*

*Diubah suai daripada: Lemambang Ukat Anak Chundi, audio transkripsi,
29 Mei 2023.*

Simbol burung *ketupung* merupakan simbol kelimpahan tuah yang diberikan oleh menantu Lang Singalang Burung (Sandin, 1980). Berdasarkan kepercayaan lama orang Iban, simbol ini merujuk menantu mitos Singalang Burung seperti yang disebut dalam rangkap puisi pengap '*Enting Naing Besumbing Tulang, Raja Taka Nempurung Balang, diau di Tapang Undang nyempayan bungkung, Raja Nunggi nunggang baka tumbang gempung jejabang Ketupung*'. Kehadiran *ketupung* amanat daripada dewa bahawa perayaan pindah rumah diberkati (Jensen, 1974).


Proses *representamen* simbol burung *ketupung* menjelaskan kualiti komunikasi daripada dewa. Menurut Peirce (1965), pemahaman budaya berbeza mampu menerangkan kualiti tafsiran makna. Berdasarkan pernyataan ini, bunyi burung *ketupung* menandakan dewa telah memberikan tuah kepada pemilik rumah (Sandin, 1980). Kepercayaan ini sinonim dengan ramalan keberkatan hasil pertanian dan kehidupan sosial masyarakat Iban. Oleh itu, simbol *ketupung* memiliki kewibawaan yang tinggi untuk dipatuhi dan dizahirkan kerana orang Iban perlu patuh kepada tafsiran simbolnya. Konsep kepatuhan ini dikukuhkan dengan pejuluk (gelaran) '*Ketupung sangkuh agung, ngentung di beradung arung dada, bekubu entis bulu burung ketupung*' membawa maksud bunyi *ketupung* mendentum sehingga ke hati dan memberikan impak kepada tindakan manusia (Janang, 2015). *Legisign* simbol ini merupakan kewibawaan komunikasi yang perlu dipatuhi kerana memiliki integriti. Tanda umum ini mudah difahami oleh pemilik budaya (Peirce, 1965). Burung *ketupung* sebagai *sinsign* kerana memiliki suara yang lantang dan komunikasi yang berkesan.

Sifat burung *ketupung* yang berbunyi sekali seperti seorang manusia bersuara tunggal tetapi menggerunkan (Jensen, 1974). Simbol ini dapat mewakili sifat asal objek sebagai ikon (Peirce, 1965). Sifat ini telah mengelaskan simbol *ketupung* menjadi ikon kerana memiliki maknanya yang jelas. Orang yang bersuara tunggal selalunya memiliki integriti tinggi dalam percakapannya. Sifat ini merupakan keserupaan bunyi burung *ketupung* dengan suara manusia dan sebagai indeks kerana memberikan isyarat semasa lafazan puisi ini bahawa simbol *ketupung* perlu dipatuhi. Kebaikan burung ini memberikan isyarat dan makna kepada pemilik rumah bahawa rumah mereka telah diberkati seperti rangkap '*Ngemana ke jaku sida ke indu, seraka jalai antu rumah gemalung. Burung ketupung lelekai udah makai randu tebu, betabaska ikan salai riu, ke enda jugau ninggalka pengaruh mali lebu, dinga radak-radak munyi anak burung ketupung, peda lalu kemerak kunchi peti pirak*'. Pendengar dapat memahami ciri-ciri denotatif simbol *ketupung*, iaitu merasionalkan setiap ungkapan serta meninggalkan azimat, yang menjadikan tuan rumah terkenal dan tersohor.

Proses *interpretant* pula telah mengandaikan bahawa *rheme* menerangkan simbol burung *ketupung* mesti dinyatakan dalam lafazan puisi Pengap Gawai Pangkung

Tiang. Adakalanya, sekiranya pemilik rumah mempunyai mimpi semasa perayaan ini diadakan, mereka akan memberikan nama timangan anak mereka Ketupung (Sutlive, 1989). Kepercayaan mereka mengandaikan bahawa anaknya memiliki nasib yang baik berdasarkan adat *beburung*. Hubungan simbol burung *ketupung* dengan kehidupan masyarakat Iban terbukti benar dan tidak boleh disangkal. Hubungan yang jitu ini menjadikan tafsiran makna mencapai matlamat diinginkan (Peirce, 1965). *Dicent sign* merujuk kata kunci burung *ketupung* medium komunikasi berkesan dan perlu dipatuhi. Simbol ini sebagai *argument* untuk direnungkan supaya simbol burung *ketupung* sentiasa ditafsir sebagai yang sebenar-benarnya untuk dipatuhi.

Simbol Burung Beragai



Rajah 6 Proses semiosis simbol burung *beragai* berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965).

*Ngejung Aya Sempulang Gana Rangkang Kirai,
 Ngambika iya makai ninang ngabang,
 Ngambika nuan ngambi ipung,
 Dikembuan aya Antu Bua Ribut Besabung,
 Diempu Aya Sempulang Kayung,
 Ke ngasuh iya nindung makai kenyang.
 Peda dih buat, dibelitka sida sirat paya,
 Dikena Aya Antu Ribut Nyada,
 Menyalin dada beragai ngindang.
 Pia mega ubat padi udah ga aku ninggalka nuan,
 Dikena nuan belumpung tulang matah dandang,
 Sempulang Gana diteju pulai ngagai tanah matah radu.*

*Diubah suai daripada: Lemambang Ukat Anak Chundi, audio transkripsi,
 29 Mei 2023.*


Burung *beragai* merupakan simbol kepada Raja Sempulang Gana yang menguasai tanah di muka bumi. Rangkap ini ‘*ngejung Aya Sempulang Gana Rangkang Kirai, ngambika iya makai ninang ngabang, ngambika nuan ngambi ipung*’ membuktikan simbol burung *beragai* mewakili dewa Sempulang Gana. Mitos ini terbukti melalui naratif kosmologi sistem amalan dan kepercayaan orang Iban dalam perayaan *Gawai Pangkung Tiang*. Tanah tidak boleh diteroka sesuka hati kerana ada pemiliknya. Berdasarkan perkara ini, pemilik tanah ialah Sempulang Gana yang berkuasa mutlak ke atas tanah (Richards, 1959). Penerokaan terhadap tanah perlu memohon keampunan dan kebenaran daripada dewa ini.

Burung *beragai* satu proses *representamen* kepada Raja Sempulang Gana membuktikan kualiti kesuburan tanah setelah mereka memperoleh hasil tuaian yang banyak. Kefahaman terhadap kualiti ini memberikan kekuatan kepada simbol yang digunakan (Peirce, 1965). Simbol ini menunjukkan dewa tersebut memberkati tanah yang diusahakan. Kesannya, tanah menjadi tanda umum dan diketahui masyarakat Iban dan kosmologinya ialah Raja Sempulang Gana. Masyarakat Iban memohon keberkatan ini melalui puisi *pengap* yang dilafazkan oleh *lemambang*. Sekiranya tidak dijalankan dengan sempurna, dipercayai berlaku malapetaka seperti banjir atau kemarau dan serangan serangga perosak (Guang, 2003). Terdapat fenomena semula jadi dan alam seperti kejadian hujan, angin dan matahari ditafsirkan sebagai tindakan dewa Raja Sempulang Gana. Simbol dewa ini ditafsirkan sebagai pelindung tanaman.

Objek ialah simbol *beragai* yang dikaitkan dengan Raja Sempulang Gana untuk memberkati hasil tuaian padi dan tanah. Burung *beragai* menjadi ikon yang memberikan makna dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Penggunaan objek ini menjadi ikon kepada orang Iban bagi merujuk simbol Raja Sempulang Gana. Kemunculan objek mampu memberikan isyarat yang jelas kepada pemilik budaya dan menjadi ikon dari sudut pandang makna yang berbeza (Peirce, 1965). Kehadiran burung *beragai* semasa perayaan *Gawai Pangkung Tiang* memberikan isyarat kepada mereka memperoleh hasil tuaian yang lumayan pada tahun itu. Isyarat dalam rangkap ini ‘*menyalin dada beragai ngindang. Pia mega ubat padi udah ga aku ninggalka nuan, dikena nuan belumpung tulang matah dandang, Simpulang Gana diteju pulai ngagai tanah matah radu*’, jelas menerangkan simbol burung *beragai* wakil Sempulang Gana memberikan azimat padi. Isyarat ini dikenali sebagai indeks. Simbol ini sebagai gambaran langsung atau metafora Raja Sempulang Gana untuk menjelaskan peranannya. Simbol burung *beragai* sebagai ungkapan *ubat padi* kepada permintaan mendapatkan hasil padi yang banyak (Sandin, 1994). Kesannya, mereka perlu memohon keberkatan daripada dewa melalui tafsiran kepada simbol burung *beragai* untuk memastikan tanah subur dan kekal produktif.

Proses *interpretant* perlu difahami berdasarkan amalan dan kepercayaan pemilik budaya (Peice, 1965). Tafsiran dalam puisi ini menjelaskan Raja Sempulang Gana merupakan *rheme* kerana fungsinya sebagai dewa pertanian. Hubungan ini dibuktikan melalui kesan dan akibat sekiranya masyarakat Iban mengabaikan kepercayaan ini. Kehadiran burung *beragai* dikelaskan sebagai *dicent sign* kerana menjadi informasi atau kata kunci tentang kejayaan dalam aktiviti pertanian. Simbol ini membuktikan Raja Sempulang Gana merestui permintaan pemilik rumah. Burung ini ditafsirkan oleh *lemambang* sebagai sesuatu yang baik. Namun, proses *argument* berlaku untuk mentafsir petanda sama ada daripada mimpi atau upacara korban. Hal ini memerlukan pemilik budaya untuk merenung kebenaran yang berlaku. Terdapat petanda alam seperti hujan, tiupan angin dan kemunculan *anak raja* (pelangi) merupakan fenomena kehadiran Raja Sempulang Gana ke perayaan *Gawai Pangkung Tiang*. Petanda ini juga boleh hadir dalam mimpi *lemambang* atau pemilik rumah yang berkaitan dengan pertanian. Ritual korban semasa perayaan *Gawai Pangkung Tiang* sebagai *argument* kerana *lemambang* perlu menjelaskan perkara yang dilihat seperti ramalan terhadap jantung babi (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). Petanda keberkesanan simbol burung *beragai* dikukuhkan melalui tanda-tanda jantung babi diramalkan baik untuk membuktikan Raja Sempulang Gana memberkati rumah atau tanah sebagai tapak mendirikan rumah. Tafsiran ini berkaitan dengan cara masyarakat Iban merenung kebenaran berdasarkan pengalaman spiritual serta pengaruhnya terhadap interaksi mereka dengan dewa. Simbol burung *beragai* penanda makna yang mewakili Sempulang Gana sinonim sebagai *raja penempa mensia* (Raja menentukan kelahiran manusia). Keseimbangan dan keharmonian antara manusia dan alam perlu dicapai untuk menjamin kesejahteraan masyarakat Iban.

Simbol Burung Bejampung



Rajah 7 Proses semiosis simbol burung *bejampung* berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965).

*Didinga kekutap sida aki bisi burung,
 Disumpah Bejampung ke digela Bujang Geliga Kempang,
 Bali nama Bujang Sambai Bejampung,
 Berayang Tanggang Raya,
 Bunga Jarau Sepupung Ngeretungka Perabung Rumah Raya,
 Bisi dikenang sida aki Balang Seribu Guna,
 Ngayuka nuan gayu guru nguan menua,
 Tuah belimpah chukup beruntung.*

*Diubah suai daripada: Lemambung Ukat Anak Chundi, audio transkripsi,
 29 Mei 2023.*

Burung *bejampung* memiliki ciri-ciri ketangkasan terbang dan alunan suaranya seperti menzhahirkan kegembiraan (Jensen, 1974). Setiap simbol digunakan dalam pemahaman budaya sangat sinonim dalam kehidupan manusia (Peirce, 1965). Simbol burung ini sangat sinonim dengan kecergasan fizikal pemilik rumah mengharungi liku-liku kehidupan. Bunyi burung ini yang menggegarkan telinga memberikan pesanan kepada orang Iban bahawa ia sebagai simbol *penchelap* yang membawa kebahagiaan (Sandin, 1990). Rangkap *pengap* selalu menyebut simbol burung *bejampung* dipanggil '*Bujang geliga tandang, burung kembang sambil bejampung*'. Adakalanya burung ini digelar '*bujang sambai bejampung, berayang tanggang raya, bunga jarau sepupung ngeretungka perabung rumah raya*' yang bermaksud burung yang melindungi rumah daripada pengkhianatan. Kemunculan burung ini semasa merayakan *Gawai Pangkung Tiang* di luar rumah menandakan tuan rumah diberikan rezeki bilangan ahli keluarga yang ramai (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024).


Proses *representamen* melihat kualiti simbol burung ini melalui kecergasan terbang dan suaranya yang merdu. Kualiti simbol mampu ditafsir melalui tindak tanduk yang menjelaskan kualiti (Peirce, 1965). Terdapat dua *qualisign* simbol burung ini, iaitu melihat cara pergerakan dan keheningan bunyinya membelah hutan. Kualiti ini sebagai tanda umum (*legisign*) simbol burung *bejampung*. Tanda yang paling mudah difahami dalam adat dan kepercayaan orang Iban ialah sejenis burung *penchelap* (Chemaline, 2011). Maka, *sinsign* tanda ini ialah simbol burung *bejampung*. Bagi pentafsir adat *beburung*, mereka boleh meramal tindak-tanduk kehadiran burung ini semasa perayaan atau ritual.

Tanda-tanda yang telah diterangkan tadi memberikan kesan penggantian *object* mewakili simbol kualiti kecergasan. Pemahaman yang kukuh ini menjadikan sesuatu benda yang baharu boleh menjadi ikon asalkan mempunyai ciri-ciri keserupaan (Peirce, 1965). Simbol burung *bejampung* menjadi ikon keserupaan kepada ciri-ciri yang dimiliki oleh manusia. Masyarakat Iban perlu cergas seperti kelincahan burung *bejampung* terbang supaya bersaing dalam arus pemodenan. Kecergasan

ini memberikan kesan secara langsung kepada kehidupan seharian mereka sebagai isyarat kehidupan mereka berbahagia dan penuh kegembiraan (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). Ciri-ciri ini menjadi peraturan umum kepada orang Iban memahami simbol burung *bejampung* tanpa mempertikaikannya. Menurut Jensen (1974), tiada peraturan atau kriteria khusus untuk mentafsir simbol burung dengan tepat. Tafsirannya bukan sekadar ditentukan oleh bunyi atau kicauan. Penyelesaiannya ialah memahami budaya dan adat *beburung* orang Iban supaya tafsiran yang sama dilakukan oleh *tuai burung* (Freeman, 1957).

Interpretant simbol burung *bejampung* mudah dilakukan kerana lafazan puisi *pengap* selalu menggunakan kriteria keberkatan seperti ‘*Bisi dikenang sida aki Balang Seribu Guna, ngayuka nuan gayu guru nguan menua, tuah belimpah chukup beruntung*’. *Rheme* bagi rangkap ini ialah simbol burung ini telah memberikan kesihatan berkekalan kepada pemilik rumah ‘*gayu guru nguan menua*’. Kesannya, lafazan puisi dengan menyebut burung *bejampung* sebagai kata kunci dan terbukti benar kerana tafsiran orang Iban terhadapnya sama. Tiada yang boleh dipertikaikan dan simbol ini telah menjadi kata kunci kepada *lemambang* untuk membina susunan puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* (Lemambang, Ukat Anak Chundi, 2024). Setiap simbol yang muncul ditafsirkan berlandaskan kefahaman budaya untuk memberikan kesan secara langsung bagi mendedahkan kebenarannya (Peirce, 1965). *Argument* tafsiran simbol burung *bejampung* telah mendedahkan pendengar tentang kebaikan simbol ini. Menurut Janang (2015), cara mentafsir kicauan burung *bejampung* melalui kedudukan burung. Kicauan burung dari arah kanan memberikan tuah kepada pemilik rumah semasa berpindah rumah. Tanda ini membawa maksud, dewa telah merestui doa pemilik rumah melalui lafazan puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* melalui utusan burung *bejampung*. Tanda ini menjadi penyampai pesanan dan pengantaraan antara manusia dengan dewa.

Simbol Burung *Nendak*



Rajah 8 Proses semiosis simbol burung *nendak* berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965).

*Kati randa nuan buat ngambi ngabang datai nemuai?
 Anang guai dulu buat nganti aku nanya indai aku,
 Ke selalu tinduk udu jenak,
 Selalu ngerak bujang Nendak,
 Bemua nangka penyinak-nyinak dih burung bagak,
 Betaratak ragak baruh penepan.
 Ketawa gaga nyau lekai-lekai,
 Gaga dikanggau begagai ba rumah batang Julau,
 Dih wai nangi keruan dalam,
 Lebu neapan ba penyaran papan lekai,
 Lalu angkat ngeragensai begisai,
 Duduk berimbai enggau bujang Beragai,
 Ke beretai bema uan duduk begagai.
 Suah digela Antu Chelap Sumpit Tapang Betibung Baning.*

*Diubah suai daripada: Lemambang Ukat Anak Chundi, audio transkripsi,
 29 Mei 2023.*

Burung *nendak* memiliki saiz yang kecil tetapi memiliki kicauan yang lunak pada siang hari. Simbol burung *nendak* tidak mempunyai kaitan dengan menantu Lang Sengalang Burung tetapi tinggal serumah dengannya untuk mempengaruhi petanda budaya masyarakat Iban (Janang, 2015). Jadi, pengaruh sesuatu simbol melalui kefahaman budaya yang selalu digunakan menguatkan kualiti simbol (Peirce, 1965). Simbol burung *nendak* sangat sinonim dalam aktiviti mendirikan rumah. Simbol ini dipercayai menghindari rumah daripada ditimpa malapetaka ketika mendirikan tiang rumah (Sandin, 1990). Dalam teks puisi *pengap* memberikan gelaran burung *nendak* sebagai ‘*antu chelap sumpit tapang betibung baning*’. Gelaran ini diberikan kerana simbol burung ini penawar kepada pengkhianatan. Istilah ‘*antu chelap*’ bermaksud penawar bagi segala kejahatan yang ditafsirkan melalui adat *beburung*. Masyarakat Iban selalu menggunakan paung burung *nendak* untuk ditanam pada tiang rumah *tuai rumah* (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). Adakalanya, kicauan burung ini mempengaruhi emosi seseorang yang dapat menenangkan hati dan fikiran. *Pengarap lama* (kepercayaan tradisi) orang Iban menerangkan suara *nendak* sebagai penenang komunikasi (Jensen, 1974).

Representamen simbol burung ini merungkai kualiti kesejahteraan diri dalam setiap anggota keluarga. Burung ini sebagai simbol yang selalu merendah diri kerana dalam puisi *pengap* selalu bertanyakan kepada ibu tentang jemputan manusia untuk perayaan *Gawai Pangkung Tiang* melalui rangkap ‘*kati randa nuan buat*


ngambi ngabang datai nemuai? Anang guai dulu buat nganti aku nanya indai aku’. Pendengar dapat memahami bahawa tanda umum burung ini terbentuk daripada sifat peribadinya sebagai rendah diri dan patuh kepada arahan ibunya sebagai penanda kepada simbol burung *nendak*. *Sinsign* ialah petanda kepatuhan untuk membawa kesejahteraan dalam keluarga.

Kehadiran *object* dominan boleh menjadi pengganti makna (Peirce, 1965). *Object* muncul sebagai tanda dominan yang dimiliki oleh simbol burung *nendak* untuk mewakili manusia. Rangkap ini ‘*bemua nangka penyinak-nyinak dih burung bagak, betaratak ragak baruh penapan. Ketawa gaga nyau lekai-lekai*’ sebagai ikon kerana petanda mewakili tingkah laku manusia. Simbol burung ini mencerminkan rupanya seorang periang yang selalu ketawa. Ciri-ciri ini memberikan makna kepada simbol ini sebagai petanda mewakili dewa. Maknanya, simbol ini menjadi *penchelap* (kesejahteraan) kepada tuan rumah dan mengelakkan segala jenis keburukan daripada dewa atau tafsiran adat (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). Indeks simbol burung *nendak* isyarat kepada *lemambang* untuk menghindari *laba* (mimpi) yang tidak baik. Simbol ini sangat penting kepada para pemuisi untuk dilafazkan dalam puisinya. Implikasinya menyebabkan puisi ini memberikan kesan spiritual dan dipercayai oleh masyarakat Iban untuk diamalkan.

Proses *interpretant* simbol burung ini memerlukan pendengar memahami adat *beburung* dalam masyarakat Iban. Maka, muncul *rheme* sebagai tafsiran makna yang tidak boleh disangkal. Sekiranya kicauan burung ini didengar semasa perayaan *Gawai Pangkung Tiang* diraikan sebanyak dua kali, maka *lemambang* mentafsir maknanya sesuatu yang positif. Tuan rumah boleh berasa lega kerana simbol ini ditafsir sebagai *penchelap* (kesejahteraan) sepanjang tinggal di rumah baharu (Chemaline, 2011). Menurut Lemambang Ukat Anak Chundi (2024), simbol burung ini boleh memberikan makna kebahagiaan dan kegembiraan sekiranya kicauannya kedengaran di sebelah kanan rumah semasa tuan rumah sedang makan pinang. Tanda ini melambangkan tuan rumah memperoleh anak lelaki yang ramai. Begitu juga sekiranya didengar di sebelah kiri rumah melambangkan tuan rumah memiliki ramai anak perempuan. *Dicent sign* simbol burung ini sebagai kata kunci kesejahteraan tuan rumah sebagai *burung penchelap* (kesejahteraan) dan *ngelindap jaku* (rendah diri semasa bercakap) tetapi memberikan kesan motivasi kepada orang Iban yang didengarinya (Jensen, 1974). *Argument* simbol burung *nendak* dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* dirumuskan sebagai pelindung tuan rumah dan penyelamat rumah untuk berdiri utuh. Kebenaran simbol ini dapat dibuktikan melalui kepercayaan yang terus diperturunkan untuk diamalkan oleh generasinya. Setiap kali upacara mendirikan tiang rumah, masyarakat Iban sentiasa mengamalkan amalan menanam *tambak burung nendak* (anak pokok simbol burung *nendak*)

yang ditanam pada tiang rumah utama untuk menghindari perkara buruk berlaku (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024).

Simbol Burung *Pangkas*



Rajah 9 Proses semiosis simbol burung *pangkas* berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965).

*Nyau datai di menua Pun Kempas Mati Meilai,
 Ngenduh ba menua bujang berani kempang ngembuan kulit kayu mipau,
 Remaung manjung ngererak remang,
 Digela Remaung Raras Kelili Panjang,
 Kutuk Bejuluk Santuk Lunju Begelung,
 Kutuk Bejuluk Beliung Rasuk Retuk-Retuk Nebuk Leka Mata.*

*Diubah suai daripada: Lemambang Ukat Anak Chundi, audio transkripsi,
 29 Mei 2023.*

Simbol burung *pangkas* selalu dilafazkan dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* kerana peranannya sebagai menantu dewa Lang Singalang Burung keempat. Burung ini memiliki suara *chechaie* (teriakan kasar tetapi nyaring). Menurut mitos, bunyi *pangkas* seperti orang Iban pulang *ngayau* membawa kepala (Chemaline, 2011). *Pangkas* sebagai simbol budaya yang baik dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* tidak seperti simbol burung *kutuk*. Menurut Jensen (1974), simbol burung *pangkas* simbolik kepada kemenangan '*burung panjang*' bermaksud burung teriak dan '*tegal labannya*', iaitu gagah kerana suaranya. Burung ini diberikan gelaran '*kutuk bejuluk beliung rasuk retuk-retuk nebuk leka mata*' bermaksud paruhnya yang tajam digunakan untuk mengetuk dan menebuk mata. Kualiti simbol diterapkan melalui pelbagai bentuk seperti melalui penglihatan, tindakan dan sebagainya (Peirce, 1965).

Menebuk *leka mata* (biji mata) merupakan elemen hiperbola untuk menyampaikan kegagahan dan keberanian burung *pangkas*.


Proses *representamen* simbol burung *pangkas* adalah untuk mentafsir kualiti suara sehingga membawa kesan kepada semangat dan kemenangan. *Qualisign* (kualiti) ini perlu dikupas dan ditafsir dalam rangkap puisi *pengap* seperti '*nyau datai di menua Pun Kempas Mati Meilai, ngenduh ba menua bujang berani kempang, remaung manjung ngererak remang, digela Remaung Raras Kelili Panjung*'. Difahami bahawa rangkap ini cuba menyampaikan bahawa pemuisi sudah sampai di tempat tinggal burung *pangkas*. Pemuisi menggunakan elemen metafora untuk memuji kehebatan simbol burung *pangkas* dengan panggilan *bujang berani kempang* (bujang berani) dan suaranya seperti harimau mengaum membelah langit. Suaranya seperti orang yang garang dan pamarah (Jensen, 1974). *Legisign* simbol burung ini sangat jelas difahami, iaitu memiliki suara lantang dan membangkitkan semangat. Terjemahan dalam puisi *pengap* memaparkan tanda umum dikaitkan dengan kehidupan manusia untuk meningkatkan motivasi dalam kehidupan demi mengejar kejayaan. Dunia realiti (*sinsign*) bagi masyarakat Iban dapat kita fahami bahawa terdapatnya semangat yang menjadi pendorong kepada pemilik rumah untuk menggapai kejayaan seperti jelmaan simbol burung *pangkas* dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Jadi, pemilik rumah mengambil kata-kata semangat melalui simbol ini supaya tidak mudah putus asa (Janang, 2015).

Object simbol burung *pangkas* sebagai pengalaman umum *lemambang* untuk diterjemahkan dalam puisi. Kemenangan sebagai ikon umum bagi simbol burung *pangkas*. Simbol kemenangan pemilik rumah dapat mewakili simbol burung *pangkas* dalam mengusahakan sesuatu. Isyarat (indeks) bunyi burung *pangkas* yang *chechaie* dan dilafazkan dalam puisi memberikan kesan secara langsung kepada pendengar. Mereka dapat memahami bahawa kehidupan mereka tinggal di rumah baharu diberkati dan sentiasa beroleh kejayaan. Mesej simbol ini diterjemahkan dalam puisi untuk memberikan semangat dan motivasi kepada pemilik rumah supaya tidak *alah ayu/tuai bulu* (kalah bulu) menempuh hari-hari mendatang (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). Konsep *alah ayu* sangat ditakuti oleh orang Iban kerana petanda nasib buruk boleh hadir pada bila-bila masa.

Sukar untuk dielakkan untuk mentafsir maksud yang disampaikan oleh simbol burung *pangkas*. Tafsiran (*interpretant*) berdasarkan keadaan dan situasi tanda ini digunakan. Dalam konteks puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*, *rheme* adalah berkaitan dengan nasib pemilik rumah. Simbol burung *pangkas* melambangkan pemilik rumah hidup dalam kesenangan kerana menjadi *pematak utai* (penarik tuah) dalam keluarga mereka (Chemaline, 2011). *Dicent sign* simbol burung *pangkas* menjadi kata kunci pembawa tuah, tetapi simbol burung *kutuk* (kategori burung yang sama) ditafsir membawa maksud berlawanan. Tafsiran dan anggapan ini

memberikan perbezaan untuk ditafsir mengikut situasi. Simbol burung *kutuk* lebih membawa malapetaka kepada pemilik rumah. *Lemambang* menghindari mendengar bunyi burung ini semasa melafazkan puisi *pengap* supaya tidak mengganggu upacara pindah rumah (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). *Argument* untuk simbol burung ini ialah simbol burung *pangkas* memberikan ramalan kepada orang Iban semasa meraikan *Gawai Pangkung Tiang* kerana suaranya sangat berbisa. Rangkap ‘*Ngenduh ba menua bujang berani kempang ngembuan kulit kayu mipau*’ bermaksud burung *pangkas* menyimpan sejenis kayu digunakan untuk membuat hulu tombak. Tanda ini memberikan penerangan kepada pendengar kehebatan simbol *pangkas* wajar diterjemahkan dalam puisi *pengap* kerana memiliki kayu digunakan untuk menghasilkan hulu tombak. Oleh sebab itu, simbol burung *pangkas* sangat digeruni oleh pendengar sehingga meningkatkan jati diri pendengar, khususnya semasa *lemambang* melafazkan dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*.

Simbol Burung *Embuas*



Rajah 10 Proses semiosis simbol burung *embuas* berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965).

*Keberai ujan ngerunung,
Bediris panjai unjur nyentang,
Auh mangka dunya guntur ngerentum,
Chengai-chengai duduk nyerungkung,
Mai tuah belimpah digela Embuas Tipas,
Bangkang Deras Pengelimpas Mua Bala,
Nangka peneras mai penepas terangkat senang.*

*Diubah suai daripada: Lemambang Ukat Anak Chundi, audio transkripsi,
29 Mei 2023.*

Mitos simbol burung *embuas* berdasarkan *pengarap lama* orang Iban ialah jelmaan anak Raja Taka dan menantu kepada dewa Lang Singalang Burung (Sandin, 1977). Burung *embuas* ialah simbol adat *beburung* sebagai petanda permulaan kehidupan baharu. Rangkap ini ‘*mai tuah belimpah digela embuas tipas, bangkung deras pengelimpas mua bala*’ menjelaskan gelaran simbol *embuas* dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* ialah *embuas tipas*. Diberikan julukan *bangkung deras pengelimpas mua bala* kerana pergerakannya sangat laju. Bunyi burung ini sangat hingar seperti ‘*keberai ujan ngerunung, bediris panjai unjur nyentang, auh mangka dunia guntur ngerentum, chengai-chengai duduk nyerungkung*’. Rangkap ini bermaksud bunyi burung *embuas* ibarat bayi menangis (*chengai-chengai*). Bunyinya menggegarkan dunia ibarat guruh berdentum secara tidak langsung memberikan bayangan kepada pendengar untuk memahami dan mengetahui kehebatan simbol burung *embuas* dalam puisi ini. Burung ini juga sebagai simbol sayang-menyayangi dan memberikan kejayaan kepada pemilik rumah (Jensen, 1974).


Proses *representamen* simbol burung *embuas* dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* memberikan pemahaman kepada pendengar tentang kualiti permulaan kehidupan baharu. Kehidupan yang sempurna mesti bermula dari kediaman baharu yang didiami. Simbol ini dapat memberkati pemilik rumah untuk memulakan kehidupan berkeluarga (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). Tanda umum (*legisign*) sebagai simbol ini ialah peranan utamanya untuk kehidupan yang sempurna, iaitu simbol kasih sayang dan belas kasihan (Jensen, 1974). Kehadirannya sebagai *sinsign* dewa yang memberikan kesempurnaan dan kejayaan pada masa hadapan selepas berpindah rumah. Proses *representamen* dapat menjelaskan peranan umum simbol *embuas* kepada masyarakat Iban diterjemahkan melalui puisi.

Proses mengenali *object* sebagai tanda gantian simbol ini ialah berlandaskan pengalaman pemuisi itu sendiri. Pengalaman mereka mampu menjelmakan *object* dengan tepat sebagai tanda baharu. Bunyi bayi menangis dan bunyi burung menggegarkan langit seperti guruh berdentum menjadi ikon kepada simbol burung *embuas*. Sifat ini sinonim kepada simbol pemuisi untuk memberikan petanda simbol burung *embuas*. Isyarat (indeks) petanda burung ini melalui bunyi, guruh dan terjemahannya dalam puisi mampu memberikan isyarat kepada pendengar tentang kehadirannya. Adakalanya orang Iban dapat merasai hubungan spiritual kehadiran burung walaupun tidak dapat dilihat dengan mata kasar (Gumbang, 1963). Isyarat-isyarat tersebut telah mengekalkan dan mewujudkan hubungan harmoni antara alam spiritual dengan manusia.

Proses *interpretant* pula berkait rapat dengan mentafsir simbol burung ini melalui terjemahannya dalam puisi dan kehadirannya semasa *Gawai Pangkung Tiang*. Pelbagai tafsiran boleh berlaku bagi menjelaskan maksud simbol burung *embuas*. *Rheme* simbol burung *embuas* berbalik kepada simbol, iaitu kualiti

pemulaan hidup yang memberikan kesan untuk peningkatan taraf hidup. Anggapan permulaan hidup baharu bermula daripada sikap kasih sayang penghuni yang berlaku dalam rumah tersebut. Sikap ini digabungkan dengan sikap belas kasihan. Kedua-duanya telah menyebabkan penghuni rumah beroleh permulaan hidup yang baik dalam meningkatkan taraf hidup. Hubungan ini terbukti benar (*dicent sign*) dan tidak boleh dipertikaikan. Kejayaan hidup berkeluarga bermula daripada sikap sayang-menyayangi sesama anggota keluarga menghasilkan kualiti hidup yang baik (Lemambang Ukat Anak Chundi, 2024). Sikap ini telah menjadi kata kunci untuk mentafsir simbol burung *embuas* dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Penerangan ini menjadi *argument* untuk merenung setiap perkara yang berlaku. Proses mentafsir kebenaran ditafsir mengikut keadaan. Menurut mitos, persembahan kepada burung *embuas* tidak boleh sesuka hati. Burung ini kurang berminat menjamah babi kecil atau kurus (Chemaline, 2011). Bagi mereka yang baru memiliki rumah dan berpindah ke rumah baharu, simbol burung ini sangat baik kerana melambangkan nilai kasih sayang untuk menentukan tuan rumah sejahtera dalam kehidupan.

Simbol Burung Kelabu Papau



Rajah 11 Proses semiosis simbol burung *kelabu papau* berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965).

*Manggai di puchuk nyelutung bandung,
Ensumbar Lachau Buntu Papau Nyenabung Bejuluk Sintau Kemarau hari,
Rendang-rendang mandangka dagang Nengeri China,
Api mau nulang perabung ketawa dedukau,
Bemaka tambak engkerabun musuh,
Ke tau nepang antu padi.*

*Diubah suai daripada: Lemambang Ukat Anak Chundi, audio transkripsi,
29 Mei 2023.*

Asal usul simbol burung *kelabu papau* atau *papau* datang daripada mitos burung *rabun* kerana memiliki sejenis azimat yang sangat mujarab menghaibkan diri (*engkerabun*) (Janang, 2015:822). Rangkap ini '*manggai di puchuk nyelutung bandung, ensumbar Lachau Buntu Papau Nyenabung Bejuluk Sintau Kemarau hari, rendang-rendang mandangka dagang Nengeri China, api mau nulang perabung ketawa dedukau*' menjelaskan pendengar asal usul burung *papau*. Nama julukan burung ini ialah Lachau Buntu Papau Nyenabung Bejuluk Sintau Kemarau. Burung ini memiliki suara *dedukau* (suara berangkai dan lama-lama tinggi).

Representamen simbol burung dikenali sebagai kualiti sumpahannya yang sangat berkesan mengelakkan kecelakaan seperti rangkap '*bemaka tambak engkerabun musuh*'. Terdapat dua *qualisign* simbol burung *papau*. Burung ini simbol *engkerabun musuh* (azimat) yang menyebabkannya halimunan. Satu lagi lambang simbol ini adalah dapat menghindari sumpahan hantu padi (*antu padi*) yang menyebabkan tuan rumah menuai hasil berkurangan seperti rangkap '*ke tau nepang antu padi*'. Oleh sebab kehadiran simbol ini menjadikan rumah halimunan secara tidak langsung dapat membantu pemilik rumah menghindari orang jahat, pencuri dan sebagainya daripada memasuki rumah dan menjauhi sumpahan hingga mengakibatkan hasil padi berkurangan (Chemaline, 2011). Peranan ini memberikan tanda umum (*legisign*) yang mudah difahami oleh pendengar. *Sinsign* dapat memberikan kesan kepada hasil tuaian dan penjagaan rumah daripada niat jahat.

Objek simbol burung *papau* berkaitan dengan tanda-tanda yang menggantikan fungsi simbol. Peranan utamanya menjelaskan tanda-tanda yang muncul (Peirce, 1965). Tanda baharu (ikon) adalah berlandaskan fungsi utamanya, iaitu azimat daripada niat jahat dan hasil tuaian. Kedua-dua peranan ini digantikan oleh simbol burung *papau* dan menjadikan isyarat (indeks) kepada kejadian berlaku. Maka, simbol ini sebagai peraturan umum yang perlu dipatuhi oleh masyarakat Iban yang memberikan kesejahteraan. Sebagai contoh '*enti kitai ningga papau maya pindah rumah larika orang ke sakit, tu manah laban ngayuka antu penyakit enda meda kitai agi*' maksudnya kalau kita berpindah rumah kerana melarikan diri daripada penyakit berjangkit, tindakan itu sangat baik kesannya melambangkan hantu sakit tidak dapat melihat kita lagi kerana matanya telah ditutup oleh azimat (Chemaline, 2011).

Proses *interpretant* memerlukan pemahaman yang sangat mendalam terhadap simbol burung *papau*. *Rheme* merujuk terjemahannya dalam teks puisi *pengap* dan kehadirannya semasa *Gawai Pangkung Tiang*. Andaian kemunculan simbol berdasarkan mitos Singalang Burung dan menantunya seperti *papau* kebenarannya bergantung pada arah dan tujuan perayaan diraikan. Adakalanya, simbol ini memimpin orang Iban dan memberikan kekuatan spiritual (Jensen, 1974). Hubungan simbol

ini dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* terbukti benar kerana menyediakan informasi atau *dicent sign*, iaitu azimat dan sumpahan menjadi kata kuncinya. Kekuatan informasi ini berdasarkan kepercayaan orang Iban yang mempercayai dan mengamalkannya. *Argument* simbol burung *papau* menjelaskan dan memberikan kefahaman kepada kita untuk mentafsir makna dengan lebih mendalam. Oleh itu, simbol burung ini diterjemahkan dalam puisi supaya dapat memberikan tuan rumah *pengaruh* (azimat) dan *ubat* bertani. Proses merenung kebenaran memerlukan kefahaman mendalam pendengar dan informasinya telah disediakan oleh pemuisi untuk ditafsirkan. Kesannya, simbol burung *papau* sebagai tanda dewa memberikan azimat halimunan dan ubat padi.

KESIMPULAN

Puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* mempunyai sifat yang universal untuk difahami oleh pemilik budaya. Tafsirannya menjangkau tujuan dilafazkan tetapi perlu dilihat motifnya sebagai agen kelangsungan tradisi dan warisan. Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965) menjadi agen kefahaman makna budaya adat *beburung*. Perincian konsep simbol dalam teori ini, iaitu konsep mewakili, objek dan tafsiran telah memberikan kejelasan jitu kepada pembaca. Puisi ini memainkan peranan penting sebagai sumber ilmu meramal, inspirasi dan ilham pendengar untuk melihat dan mentafsir kebenaran fenomena kejadian alam melalui simbol budaya yang sarat. Kewujudan simbol dipengaruhi oleh pengaruh sejarah, kehidupan harian, kepercayaan agama dan sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar. Puisi *pengap* melahirkan pemikiran, keinginan dan pengalaman hidup yang digambarkan dan disalurkan oleh pemuisi seperti *lemambang*. Pengamatan melalui puisi memerlukan pemikiran dan nilai yang tinggi, sekali gus menjadikan puisi lebih bermakna dan terus diterima oleh generasi sepanjang zaman. Kajian ini menjadi pemangkin kesedaran dan kefahaman mereka untuk menyanjungi budaya sendiri. Puisi Iban diwarnai dengan adat istiadat, amalan, kepercayaan dan norma-norma masyarakat pemiliknya. Secara tidak langsung, penyelidikan ini telah merungkai unsur-unsur adat yang diwariskan dan diujarkan dengan elemen moden agar kekal relevan. Generasi muda perlu didedahkan dengan budaya bukan material sebagai mekanisme penyambung tradisinya.

PENGHARGAAN

Penyelidik menzahirkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris, Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang dan semua pihak yang menyokong usaha untuk menjalankan kajian ini secara langsung atau tidak langsung.

SUMBANGAN PENGARANG

Bejamin Liam: Merangka kajian, menjalankan fasa pengumpulan data kajian, menganalisis data dan penulisan. Roslih Kiting: Menilai hasil kajian serta kualiti data.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

PERNYATAAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF

Penulis mengisytiharkan tiada penggunaan kecerdasan buatan generatif digunakan dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Aminuddin. (2004). *Pengantar Apresiasi Karya Sastra*. Sinar Baru Algesindo.
- Blumer, H. (1969). *Symbolic Interactionism: Perspective and Method*. University of California.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K., (2007). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods* (5th. Edition). Allyn & Bacon.
- Bungin, B. (2016). *Analisis Data Penelitian Kualitatif*. PT. Rajagrafindo Persada.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, Vol. 3(2)p.77-101.
- Chemaline, O. (2006). *Tesis Leka Main: Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Bentuk dan Fungsi*. Universiti Sains Malaysia.
- Chemaline, O. (2011). *Waris Daya Idup Iban Vol. I, II, & III*. Pegari Iban Production.
- Chemaline, O. (2011). *Sang Budiman*. PTS. Akademia.
- Cobley, P. (1997). *Introducing Semiotics*. Mc Pherson's Printing Group.
- Creswell, J.W. (2017). *Research Design: Qualitative & Quantitative Mixed Methods Approaches*. Edisi ke-2. Sage Publications.
- Daille, F.R. (2002). *Alam Pantun Melayu-Studies on the Malay Pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denzin, N.K. & Linkolin, Y.S. (1998). *Handbook of Qualitative Research Third Edition*. Sage Publications LTD.

- Freeman, J.D. (1957). The family system of the Iban of Borneo. In Jack Goody (ed.) *The Developmental Cycle in Domestic Groups*, pp.15-52. Cambridge Papers in Social Anthropology, No. 1. Cambridge University Press.
- Gumbang, E. (1963). Tungkat and the other Iban system for transmitting important messages. *Sarawak Gazete* (April):34-40.
- Guang, J.J. (2003). *Cultural Change, Adaptation and Natural Resource Use by the Iban of Sarawak, Malaysia*. Michigan University.
- Janang, E. *et al.* (2015). *Bup Sereba Reti Jaku Iban*. Tun Jugah Foundation.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and Their Religion*. Clarendon Press.
- King, V.T. (1993). *The People of Borneo*. Blackwell.
- Kris, B. (1999). *Kosa Kata Semiotika*. Gambiran UH.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. (2014). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. Edisi ke-4. Sage Publication.
- Noria, T. (2014). *Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Patton, M. (2002). *Qualitative Evaluation and Research Method (2nd Ed.)*. Sage. Publications. LTD.
- Peirce, C.S. (1965). *Collected Papers of Charles Sanders Peirce (Vol. I & Vol. II)*. Belknap Press of Harvard University Press.
- Puji, S. (1993). *Ancangan Semiotika dan Pengkajian Susastra Indonesia*. Angkasa Bandung.
- Pradopo, R.D. (1993). *Pengkajian Puisi. Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*. Gajah Mada University Press.
- Richards, A.J. (1959). The Iban People (1). dlm. Tom Harrison (ed.) *The People of Sarawak*. Sarawak Museum, hlm. 9-27.
- Sandin, B. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. Universty Press.
- Sandin, B. (1969). *Pengap Gawai Sakit*. Borneo Literature Bureau.
- Sandin, B. (1976). *Gawai Pangkong Tiang*. Borneo Literature Bureau.
- Sandin, B. (1977). *Gawai Burong: The Chants and Celebrations of the Iban Bird Festival*. Universiti Sains Malaysia.
- Sandin, B. (1977). *Sengalang Burong*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sandin, B. (1981). *Pengap Gawai Burong*. Borneo Literature Bureau.
- Sandin, B. (1990). *Sources of Iban Traditional History*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sandin, B. (1994). *Sources of Iban Tradisional History*. *Sarawak Museum Journal* XLVI (67): 79-327.
- Sather, C. (1985). Iban Agricultural Augury. *Sarawak Museum Journal* XXXIV(55):1-36.
- Sidek, M.N. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah Teori dan Praktis*. Percetakan Info MEDITASI Sdn. Bhd.
- Steve, A.P. (2012). *Patung Burung Kenyalang dalam Budaya Masyarakat Iban*. Thesis. UMAS.
- Sutlive, V.H. (1989). The Iban in Historical Perspective. *Sarawak Museum Journal* XL (Special issue 4, pt 4. No. 61):33-44.

- Tesch, R. (1995). *Qualitative Research: Analysis Types & Software Tools*. The Falmer Press.
- Zoest, V.A. (1990). *Fiksi dan Non Fiksi dalam Kajian Semiotik*. Manoeekmi Sardjoe (perj.). Jakarta: Intermasa.
- Zuchri, H.A.(2021). *Metode Penelitian Kualitatif*. Syakir Media Press.

Informan

Lemambang Ukat Anak Chundi, (2024, Disember 23). Rumah Melaka, Nungang. Pakan.